



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (37)

SIARAN MEDIA

BALAI SENI NEGARA PERKASA EKOSISTEM SENI VISUAL DAN EKONOMI KREATIF MELALUI MALAYSIA ART ECOSYSTEM FAIR (MAEF) 2026

1 JULAI 2026 - Balai Seni Negara dengan sokongan penuh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan menganjurkan Malaysia Art Ecosystem Fair (MAEF) 2026, sebuah platform pembangunan industri seni visual yang menghimpunkan keseluruhan rangkaian ekosistem seni dalam satu penganjuran.

Bertemakan “ART KL”, MAEF 2026 mencerminkan komitmen Balai Seni Negara dalam memperkasa pembangunan industri seni visual melalui penyatuan pelbagai pemain industri, pengukuhan jaringan kerjasama strategik serta pemerkasaan ekonomi kreatif. Program ini akan berlangsung dari 27 hingga 29 November 2026 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI serta Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), MAEF 2026 berperanan sebagai platform strategik dalam memperkukuh agenda pembangunan ekonomi kreatif negara melalui pemerkasaan ekosistem seni visual, pembangunan modal insan serta pengembangan pasaran industri seni secara mampan.

Penganjuran ini merupakan kesinambungan daripada Malaysia Art Ecosystem Fair (MAEF) 2021 yang sebelum ini memberi tumpuan kepada usaha pemulihan industri seni visual pasca pandemik COVID-19. Memasuki fasa baharu, MAEF 2026 memberi penekanan kepada peningkatan daya saing industri, pembangunan pasaran yang lebih berdaya tahan serta peluasan jaringan kerjasama di peringkat domestik dan antarabangsa.

Seiring dengan pelaksanaan Tahun Melawat Malaysia 2026, MAEF 2026 turut bermatlamat memperkukuh kedudukan seni visual sebagai salah satu tarikan pelancongan budaya negara, di samping memperluas promosi seni tempatan kepada masyarakat serta pelawat antarabangsa.

MAEF 2026 menghimpunkan pelbagai pemegang taruh dalam ekosistem seni visual negara termasuk galeri seni komersial, artis, studio, kolektif seni, persatuan seni visual, muzium dan galeri awam, institusi pengajian tinggi, sekolah seni, akademi, penyedia perkhidmatan industri, pembekal bahan seni, penerbit, pembingkai, pereka grafik serta usahawan kreatif. Penyertaan pelbagai sektor ini mewujudkan ekosistem yang lebih bersepadu dalam memperkukuh rantai nilai industri seni visual negara.

Platform ini turut menampilkan gabungan elemen pameran, pendidikan dan ekonomi kreatif melalui penyertaan studio, kolektif dan pengamal seni visual, galeri awam dari seluruh negara, institusi pengajian tinggi awam (IPTA), badan korporat, sekolah seni, akademi serta kolej yang menawarkan program seni visual. Pada masa yang sama, ia turut menghimpunkan usahawan industri seni yang menawarkan produk eksklusif, bahan seni, penerbitan, perkhidmatan pembingkai serta reka bentuk grafik di bawah satu ruang yang sama.

Pelbagai aktiviti bengkel dan demonstrasi seni akan dilaksanakan sepanjang penganjuran bagi memperkukuh penyampaian ilmu serta meningkatkan penglibatan masyarakat, di samping membuka ruang kepada perkongsian ilmu, jaringan kerjasama dan peluasan peluang pasaran kepada produk seni kreatif tempatan.

MAEF 2026 turut mengetengahkan penyertaan galeri seni kontemporari yang menampilkan karya melalui proses kuratorial bagi pasaran tempatan dan serantau. Penyertaan ini bukan sahaja menyediakan platform pameran kepada artis di bawah naungan masing-masing, malah menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi kreatif sepanjang penganjuran.

Selain pameran seni, Ruang Wacana akan mengetengahkan perbincangan berkaitan H.T.C.S. (*History, Theory, Criticism, Studio*) dalam konteks seni visual dengan penyertaan akademik, pengkaji, sejarawan, kurator, penulis serta artis dari dalam dan luar negara. Program ini akan berlangsung sepanjang tiga hari sebagai wadah perkongsian ilmu dan percambahan idea dalam kalangan penggiat serta pencinta seni visual.

Sebagai platform pembangunan industri, MAEF 2026 bukan sahaja memberi tumpuan kepada pameran dan pemasaran karya seni, malah turut menekankan pembangunan modal insan melalui program pendidikan, bengkel, demonstrasi seni, sesi wacana serta jaringan profesional yang mampu meningkatkan kompetensi dan daya saing pemain industri seni visual negara.

Balai Seni Negara yakin bahawa MAEF 2026 akan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri seni visual negara melalui pengukuhan ekosistem yang lebih mampan, peningkatan aktiviti ekonomi kreatif serta peluasan peluang pasaran kepada penggiat industri. Penganjuran ini diharap dapat memperkukuh kedudukan seni visual sebagai sektor strategik negara yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi, pelancongan budaya serta kesejahteraan masyarakat.

Untuk maklumat lanjut, layari www.artgallery.gov.my atau ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my